

Jawatankuasa Buletin Politeknik PPD Sesi Januari 2007

1. **Penaung** : Tuan Hj. Mohd Ghaus Ab. Kadir A.N.S. Pengarah PPD.

2. **Pengerusi** : Tuan Hj. Wan Mohd Hujjatullah Hj. Wan Ghazali. Ketua Jabatan Pengajian Am, PPD.

3. **Ketua Editor** : Us. Alias Mat Saad.

4. **Setiasusaha**: Usz. Nor Wahida Dzalihu'zabir.

5. **Pen. Ketua Editor / Percetakan** : Puan Isdawati Ismail.

6. **Rekabentuk & Persembahan** : En. Shamsul Johari Shaari.

7. **Editor**:

7.1 **Editor JKA**: Pn. Suzarina Subuh.

7.2 **Editor JKE**: Cik Munirah Md. Nujid

7.3 **Editor JKM**: En. Halim Hj. Razali.

7.4 **Editor JP** : Pn. Shahariah Mohd Salleh.

7.5 **Editor JMSK**: Cik Fadhiana Mohamad.

7.6 **Editor JPA**: Cik Masniza Mansor.

7.7 **Editor JPP**: Pn. Rosilawati Ahmad Khalil.

7.8 **Editor Unit Kokurikulum** : En. Baharin Ahmad

7.9 **Editor Unit Penfadbiran** : En. Abdullah Tamam.

7.10 **Editor JKKQ**: Pn. Kalsom Sailan.

7.11 **Editor Kamsis**: En. Mohammad Siri Muslimin.

Dari Meja Pengerusi Buletin



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Buletin PPD muncul kembali. Penerbitan kali ini merangkumi peristiwa yang berlaku sepanjang Sesi Januari 2007. Banyak lagi berita tidak dapat dipaparkan disebabkan ruang yang terhad. Ucapan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan kali ini. Terima Kasih. WHG

POLITEKNIK PORT DICKSON TERUS CEMERLANG

Kata-Kata Aluan Pengarah PPD




Assalamualaikum dan salam sejahtera, saya ucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli jawatankuasa Buletin PPD kerana telah berjaya menzahirkan Buletin Politeknik Port Dickson Sesi Januari 2007.

Buletin ini merupakan wadah rasmi Politeknik Port Dickson dalam mempamerkan aktiviti dan peristiwa-peristiwa yang berlaku samada di dalam atau di luar kampus yang melibatkan warga Politeknik Port Dickson. Aktiviti dan berita-berita yang dipaparkan ini membuktikan Politeknik Port Dickson terus maju dan bergerak aktif dalam pelbagai bidang termasuk aktiviti-aktiviti kokurikulum.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan sokongan kepada aktiviti tahunan Politeknik Port Dickson sehingga berjaya dilaksanakan. Sekian terima kasih dan selamat maju jaya.

Konvokesyen Politeknik Port Dickson ke - 16, Tahun 2007



Politeknik Port Dickson sekali lagi telah berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen kali ke -16 pada 19 April 2007. Seramai 676 orang graduan menamatkan pengajian mereka pada semester yang lalu. Majlis Konvokesyen kali ini telah disempurnakan oleh Tetamu Khas iaitu Yang Berhormat Dato' Hj. Ismail bin Lasim DSNS, ANS, PMC, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan mewakili YAB Menteri Besar. Syabas dan tahniah kepada semua AJK yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis tersebut. Is



Penganjuran Kejohanan Tenpin Bowling Majlis Sukan Politeknik Malaysia



Pada 13 & 14 April 2007, Politeknik Port Dickson telah menganjurkan Kejohanan Tenpin Bowling Majlis Sukan Politeknik Malaysia di Ampang SuperBowl, Seremban Parade, Negeri Sembilan. Kejohanan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti pemain yang berpotensi untuk mewakili Majlis Sukan Politeknik ke pertandingan SIPMA 07 di samping dapat merapatkan hubungan serta mewujudkan semangat kesukanan yang tinggi diantara peserta. Seramai 200 orang peserta dan pegawai pengiring yang terdiri dari 19 Politeknik Malaysia telah berkampung di Seremban. Kejohanan ini telah dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Ungku Omar Yang Bhg. Tuan Haji Mohamad Jayus bin Haji Bunasir. Acara yang dipertandingkan dalam kejohanan ini ialah acara perseorangan lelaki dan perempuan, kumpulan bertiga lelaki dan perempuan, all event lelaki dan perempuan serta master lelaki dan perempuan. Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Bhg. Dr. Mohamed Rashid bin Navi Bax. Bhn

Islam Hadhari Menjana Kemajuan Umah



Pada 3 April 2007 jam 11.00 pagi Politeknik Port Dickson telah menerima lawatan dari Pegawai Khas Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Yang Berbahagia Datuk Mustapha Taib. Beliau telah mengadakan perjumpaan dengan penyarah Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson bertempat di bilik persidangan bagi menjelaskan dasar Islam Hadhari yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia. Beliau menjelaskan bahawa Islam Hadhari yang merangkumi 10 perinsip adalah satu pendekatan untuk membangkitkan kesedaran baru kepada masyarakat terhadap konsep sebenar ajaran Islam mengikut perubahan masa tanpa mengurangkan prinsip akidah dan syariah. Dasar Islam Hadhari telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Abdullah Ahmad Badawi pada 23 September 2004 di PWTC Kuala Lumpur. Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas atau fundamental yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam. WHG

Karnival Pendidikan Dan Kerjaya

Karnival Pendidikan dan Kerjaya Negeri Sembilan Darul Khusus telah dijalankan di Pusat Membeli-belah Terminal One, Seremban, Negeri Sembilan pada 2 – 4 Mac 2007. Karnival ini dianjurkan oleh Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Daerah Seremban dan Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan. Pihak penganjur telah berbesar hati menjemput pihak Politeknik Port Dickson untuk menyertai karnival ini untuk mengadakan pameran bagi menjayakan objektif karnival tersebut. Karnival berlangsung selama 2 hari (Sabtu dan Ahad). Hari Jumaat adalah untuk persiapan booth pameran. Seramai 12 orang urusetia dari Politeknik Port Dickson telah dilantik iaitu 6 orang dari Unit Kaunseling dan Kerjaya dan 4 orang dari Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) Politeknik Port Dickson, seorang daripada dari Unit Multimedia dan Sumber (UMS) dan seorang pemandu kenderaan Politeknik Port Dickson. Karnival ini dirasmikan oleh Dato' Hon Choon Kim, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia pada hari Sabtu, 3 Mac 2007 di Ruang Legar, Pusat Membeli-belah Terminal One, Seremban. Hasil kerjasama pihak-pihak terlibat, akhirnya program ini dapat dijalankan dengan jayanya. Pihak urusetia program ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini terutamanya kepada semua urusetia yang terlibat untuk menjaga booth pameran dan kepada setiap individu yang membantu dalam menyediakan barang-barang pameran. *Adlan Norliza.*

Minggu Suaikenal Pelajar Baru

Tanggal 16 Januari 2007, Politeknik Port Dickson sekali lagi menganjurkan Majlis Minggu Suaikenal untuk pelajar baru yang mendaftar di institusi ini. Aktiviti ini merupakan aktiviti wajib yang perlu dilalui oleh semua pelajar baru. Menurut Pengerusi Penganjur En. Ishak Bin Sarip, majlis ini berlangsung selama tiga hari dan antara aktiviti yang dijalankan ialah taklimat biasiswa, taklimat perpustakaan, taklimat asrama, taklimat peperiksaan, taklimat disiplin dan peraturan Politeknik serta sukaneka. Objektif Minggu Suaikenal ialah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar baru tentang sistem pembelajaran dan cara hidup di Politeknik. Dengan tema " Bersama Menuju Kecemerlangan " Politeknik Port Dickson mengharapkan dapat melahirkan pelajar yang benar-benar cemerlang. *ams*

Hari Politeknik Peringkat Politeknik Port Dickson 2007

Setiap tahun Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia akan menyambut Hari Politeknik untuk memperingati tertubuhnya Politeknik Ungku Omar yang merupakan Politeknik pertama di Malaysia. Tanggal 25 April 2007 Politeknik Port Dickson tidak ketinggalan untuk menganjurkan beberapa aktiviti sempena hari Politeknik Malaysia. Menurut Pengerusi penganjur, En. Ahmad Affandi, antara aktiviti yang dijalankan untuk memeriahkan sambutan Hari Politeknik peringkat Politeknik Port Dickson ialah Larian Politeknik yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kategori Pelajar, Kategori Pensyarah Lelaki dan Wanita, Pensyarah veteran serta Pegawai-pegawai Kanan Politeknik. Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) menganjurkan pesta kebudayaan untuk mengeratkan lagi hubungan kaum antara pelajar. Selain daripada itu juga Pusat Islam Politeknik Port Dickson menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil sempena Hari Politeknik. *ams*

Minggu Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Januari 2007

Pendaftaran pelajar baru Politeknik Port Dickson telah diadakan pada 16 Januari 2007 bertempat di Dewan Wawasan. Seramai 1096 pelajar baru telah mendaftar untuk sesi Januari 2007 yang dilakukan secara online. Dengan adanya sistem PMIS (Polytechnic Management Information System) telah mempercepatkan proses pendaftaran pelajar. Sementara itu, pelajar lama mendaftar pada 18 Januari 2007. *ams*

Latihan Kebakaran Kamsis



Sempena Kempen Keselamatan dan Ketenteraman Kamsis, dua fasa latihan kebakaran atau 'fire drill' telah diadakan oleh pihak pengurusan kamsis PPD yang melibatkan semua warden dan lebih 1,300 pelajar yang tinggal di 16 blok Kamsis PPD. Fasa pertama diadakan pada 26 Mac 2007 jam 11.00 malam melibatkan 11 blok Kamsis A sementara fasa kedua diadakan pada 28 Mac 2007 jam 11.00 malam melibatkan 5 blok Kamsis B. Latihan kebakaran ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua pelajar yang tinggal di kamsis agar peka terhadap langkah keselamatan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran. *WHG*

Politeknik Port Dickson Urusetia Bersama Program Pendidikan



Pada 23 – 25 Februari 2007 pihak Politeknik Port Dickson telah dilantik sebagai urusetia bersama Program Pendidikan KPTM Bersama Rakyat dengan Bahagian Pengurusan Politeknik Malaysia, Putrajaya (BPP). Program anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ini diadakan di Hotel Royal Adelphi, Seremban, Negeri Sembilan. Antara objektif program ini ialah untuk mendedahkan maklumat mengenai program pengajian yang ditawarkan oleh universiti baru serta program pengajian baru dalam pelbagai bidang Sains Gunaan, Sains Tulen, Kejuruteraan dan ICT, mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian serta menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar baru pemilihan kemasukan ke IPTA yang menggunakan 90% markah akademik dan 10% kokurikulum. Seramai 10 orang kakitangan Politeknik Port Dickson dilantik secara dalaman untuk menjadi urusetia bersama BPP untuk melaksanakan program ini.

Secara keseluruhannya, program ini dapat dilaksanakan dengan baik dan mendapat komitmen yang amat memberangsangkan dari semua pihak yang terlibat. Pihak urusetia program ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program. *Adlan Norliza*

Minggu Penghayatan Islam

Biro Kerohanian Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Jabatan Pengajian Am telah menganjurkan Minggu Penghayatan Islam Sesi Januari 2007 pada 21 hingga 25 Mac 2007. Antara program yang dijalankan ialah pertandingan nasyid, ujian tilawah Al-Quran, seminar kepimpinan dan ceramah motivasi. Program ini dilancarkan oleh Tuan Haji Mahmod Basar Timbalan Pengarah 1 dan perasmian penutup disempurnakan oleh Tuan Haji Wan Mohd Hujjatullah Ghazali Ketua Jabatan Pengajian Am mewakili Tuan Pengarah PPD. Minggu Penghayatan Islam sesi ini ditutup dengan persembahan nasyid dari kumpulan MESTICA. *WHG*



Kempen Kesihatan dan Kecerdasan Kamsis

Sempena Kempen Kesihatan dan Kecerdasan Kamsis pihak Pengurusan Kamsis PPD telah menganjurkan aktiviti senamrobik dan sukaneka pada 11 Mac 2007 bertempat di padang bola sepak PPD. Program bermula seawal jam 8.00 pagi dengan senamrobik dan berakhir pada jam 1.00 tengahari dengan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada pemenang. Program ini melibatkan semua pelajar kamsis dan warden. Kempen ini dirasmikan oleh Ketua Warden Kamsis Tuan Haji Wan Mohd Hujjatullah Ghazali. Program ini diharap dapat melahirkan pelajar sihat dan cerdas selaras dengan Plan Integrasi Nasional (PIN) Strategi ke-2 iaitu meningkatkan tahap kesihatan, kecerdasan, keceriaan dan produktiviti yang akhirnya melahirkan pelajar yang berjaya dan cemerlang. *WHG*



Pertandingan Membina Kota Pasir Terbuka Sempena Ulang Tahun MPPD Ke-V 2007

Pertandingan membina kota pasir ini telah dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) pada 25 Februari 2007 bersempena ulang tahun MPPD yang ke 5. Pertandingan ini adalah terbuka kepada orang ramai, dan pelajar seni bina telah turut serta dalam pertandingan ini dan mendapat tempat ke-2 dan ke-3 secara keseluruhannya. *Zarin*




Seminar Produk Intelek 2007

Seminar Produk Intelek 2007 merupakan suatu program yang bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk mencetuskan idea melalui hasil kajian yang dijalankan. Seminar ini telah berlangsung selama dua hari bermula 16 April 2007 dan berakhir pada 17 April 2007. Cetusan idea para pelajar (semester akhir) ini telah dipersembahkan secara pembentangan kepada para pensyarah dan pelajar – pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam khususnya dan warga Politeknik Port Dickson amnya. Penilaian hasil kerja pelajar – pelajar ini telah dibuat oleh pihak agensi luar yang diundang khas sebagai panel penilai. Pembentangan hasil kajian ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar membina keyakinan diri dalam menghadapi cabaran masa kerja akan datang. *Zarin*

Seminar IBS

Seminar IBS merupakan suatu program yang dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Awam dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) pada 20 April 2007 sehingga 22 April 2007. Seminar ini melibatkan para pelajar dan pensyarah politeknik seluruh Malaysia, di samping para kontraktor sekitar Port Dickson. Tujuan seminar ini adalah untuk memberi pengetahuan mengenai pembinaan secara berindustri sebagai satu alternatif kepada kaedah konvensional (in – situ) melalui Industrial Building System (IBS) dan Modular Coordination (MC). *Zarin*




Pertandingan Reka Cipta Hari Harta Intelek Negara 2007

Pertandingan Reka cipta Hari Intelek ini dianjurkan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah diadakan pada 26 – 29 April 2007 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson telah menghantar projek bertajuk Penghasilan Multi-Purpose Sound Absorber untuk dipertandingkan dalam Peringkat Kolej/Politeknik/ Institut Kemahiran (sijil dan diploma). Meskipun projek ini hanya mendapat tempat keempat namun, ianya telah mendapat perhatian daripada pihak luar untuk dipatenkan dan ditawarkan geran dengan usahasama daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, UTHM dan Technology Park, Malaysia bertujuan untuk penyelidikan dan dikomersialkan di masa hadapan. *Zarin*



Khidmat Masyarakat

Pada 19 Mei 2007 kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE) telah menganjurkan satu program khidmat masyarakat di Asrama Anak Yatim Dan Miskin Gedung Lalang, Ampangan. Antara tujuan Program ini adalah untuk mengeratkan silaturrahim sesama insan. Seramai 24 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar JKE, pelatih UTHM dan staf JKE telah menyertai program ini. Antara program yang dilaksanakan termasuklah gotong-royong membersihkan kawasan asrama, sembahyang Zohor berjemaah dan pembacaan Yassin dan Tahlil. Di samping itu pihak kelab telah memberi sedikit sumbangan kewangan dari seluruh warga JKE bagi membantu meringankan lagi beban anak-anak yatim. Aktiviti kemasyarakatan seperti ini yang sudah sebatian dengan masyarakat Melayu perlu dihidup dan disebarkan lagi bagi memastikan budaya murni masyarakat negara ini tidak hilang ditelan zaman ekoran cabaran daripada peredaran masa. *Munirah*



Seminar JKE



"Pencapaian akademik semata-mata tidak dapat menjamin kejayaan seseorang pelajar untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan mahupun peluang melanjutkan pelajaran. Penguasaan yang seimbang perlu bagi memastikan kejayaan seseorang individu tersebut". Berikut merupakan kata-kata aluan Timbalan Pengarah Politeknik Port Dickson bersempena dengan Seminar Persediaan Menghadapi Cabaran Era Globalisasi yang dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik pada 23-24 Mei 2007 bertempat di DK4 blok akademik. Seminar ini telah dihadiri oleh para pelajar JKE semester akhir sijil dan diploma, politeknik-politeknik zon selatan iaitu Politeknik Port Dickson, Politeknik Merlimau dan Politeknik Kota Melaka. "Menggarap Harapan, Menyemai Keyakinan" merupakan tema bagi seminar ini. Di mana harapan dan matlamat seminar ini adalah untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan luas bukan sahaja dalam bidang akademik malah berkeyakinan untuk menghadapi sebarang cabaran di alam pekerjaan kelak. Antara pengisian yang telah dijalankan adalah ceramah-ceramah dari pihak UTHM, Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Negeri Sembilan Skill Development Center (NSSDC) berkenaan dengan tanggapan dan harapan mereka terhadap para lulusan politeknik. Seminar ini disertai lagi dengan pameran dan pembentangan hasil kerja projek pelajar semester akhir politeknik-politeknik yang terlibat. *Munirah*

Hari JKE

Dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran dan sahsiah yang tinggi, Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan Hari JKE untuk memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang samada dalam bidang sukan mahupun akademik. Ia telah dianjurkan oleh kelab JKE pada 21 Mei 2007 bertempat di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson pada jam 2.15 -5.00 petang. Anugerah ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar JKE untuk bersaing secara sihat dalam bidang sukan dan akademik supaya mereka lebih aktif, kreatif dan inovatif. Seramai 95 orang pelajar telah mendapat Anugerah Ketua Jabatan yang terdiri dari pelajar semester 1 sehingga 6. Selain itu juga, pada hari tersebut pelajar-pelajar JKE telah diberi satu taklimat berkenaan dengan peperiksaan yang akan berlangsung pada 4 – 15 Jun 2007. *Munirah*

Malam Pra Graduan JKE

Malam Pra-Graduan Jabatan Kejuruteraan Elektrik Sesi Januari 2007 yang dihadiri seramai 95 orang pelajar semester akhir Diploma JKE yang telah berlangsung di Admiral Marina, Port Dickson pada 28 Mei 2007. Malam seumpama ini adalah kali kedua dianjurkan oleh JKE. Antara tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan bakal graduan yang akan melangkah ke alam pekerjaan, mengumpul dan mengeratkan silaturrahim di antara bakal-bakal graduan dengan para pensyarah dan mendedahkan pelajar kepada acara formal. Pn Zainab bt Musri selaku Pemangku Ketua Jabatan telah merasmikan dan menyampaikan sijil Anugerah Ketua Jabatan kepada 40 orang pelajar semester akhir. Beliau menasihati para pelajar supaya mempersiapkan diri agar tidak ketinggalan dalam era globalisasi dan menjadi seorang yang profesional yang mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi dan berketrampilan. *Munirah*

Hari Bersama Pelanggan Sesi Januari 2007



Sambutan hari bersama pelanggan sesi Januari 2007 telah pun diadakan pada 21 Mac 2007(Rabu) yang bertempat di ruang legar perpustakaan Politeknik Port Dickson. Kaunter hari bersama pelanggan ini beroperasi dari jam 8.00 pagi sehinggalah 12.45 tengahari. Sebanyak 70 cadangan/aduan yang diterima daripada pelanggan sepanjang kaunter ini di buka. Tujuan Hari Maklumbalas adalah untuk mendapatkan maklumbalas terutama dari pelajar ke arah memperbaiki lagi mutu pemberian latihan separa profesional yang ditawarkan oleh PPD. Kaunter hari bersama pelanggan ini di serikan lagi dengan kehadiran Tn.Pengarah Politeknik Port Dickson iaitu Tn.Hj.Mohd Ghaus Bin Ab.Kadir yang sudi meneliti maklumbalas dan aduan yang diterima daripada pelanggan secara tidak langsung. Lawatan Tn.Pengarah PPD yang tidak diduga ini menunjukkan keperihatinan dan keseriusannya dalam setiap maklumbalas dan aduan mengenai PPD agar sebarang kepincangan pengurusan di PPD akan dapat diputuskan dan diselesaikan dengan telus dan berhemah. *ksl*

PPD Ke arah Pensijilan Semula MS ISO 9001:2000

Berbagai aktiviti telah dirancang oleh pihak JKKQ ke arah pensijilan semula MS ISO 9001:2000. Aktiviti yang telah dimulakan sejak penghujung 2006 diteruskan dengan Taklimat Pindaan Dokumen kepada semua staf sebaik saja sesi Jan 2007 bermula. Diikuti dengan Kursus "Filing system & 5S" untuk memantapkan sistem pemfailan kepada JKKQ dan wakil setiap unit pada 30 Jan 2007. Preview Dokumen pada pihak pengurusan untuk tujuan pengesahan telah dibuat pada 9 Feb 2007. Pihak JKKQ mengendalikan Kursus "Awareness on ISO Std" kepada auditor pelapis yang terdiri dari 4 wakil setiap jabatan di PPD pada 15 Feb 2007. Peserta yang sama juga dipilih mengikuti kursus "Internal Audit" yang dikendalikan oleh Sirim Training pada 7,8 dan 9 Mac 2007.

Diikuti dengan Adequacy Audit oleh SIRIM QAS SDN BHD pada 28 Feb 2007. PPD telah berjaya melepasi "Adequacy Audit" dengan sedikit penambahbaikan mengikut Klausu 7.4.1 (perolehan) dan 6.2.2 (kompetensi, latihan). Beberapa siri Taklimat Penghayatan terhadap SPK PPD dibuat untuk semua staf PPD sesuai dengan kehendak klausu 5.5.3 (komunikasi dalaman). Antaranya taklimat pada 9 Mac 2007, diikuti dengan Hari Bersama Pelanggan pada 21 Mac 2007 seterusnya Taklimat Internal Audit pada 28 Mac untuk semua auditor. Gerak Gempur FRP dilaksanakan disetiap jabatan sebagai persiapan menghadapi Internal Audit pada Minggu 15 iaitu dari 23 April hingga 10 Mei 2007. Diikuti oleh Taklimat kepada pelajar semester akhir Diploma pada 29 Mei 2007 dan mesyuarat KSP 1/07 dijadualkan pada 14 Jun 2007 sebelum "Compliance Audit" oleh pihak SIRIM QAS BHD dalam bulan Ogos 2007. *k/s*



Ceramah Pengajian Lanjutan Di UKM

Satu sesi ceramah mengenai peluang-peluang melanjutkan pengajian di UKM telah diadakan baru-baru ini untuk para pelajar semester akhir Jabatan Perdagangan bersempena dengan Hari Perdagangan Sesi Jan 2007 pada 8 Mac 2007. Hari Perdagangan pada sesi kali ini juga telah diisi dengan pelbagai program menarik yang amat bermanfaat kepada pelajar. Pada sebelah pagi, Ceramah Kerjaya oleh pegawai dari Jabatan Tenaga Kerja N. Sembilan telah diadakan. Ceramah mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga telah disampaikan oleh pegawai dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Pada sebelah petang, pelajar diberi ceramah tentang Gejala Sosial Di kalangan Pelajar IPTA oleh Prof. Madya Rosnah Bt Alwi dari UiTM.

Program Hari Perdagangan ini adalah merupakan aktiviti rutin Jabatan Perdagangan pada setiap sesi pengajian. Ia bertujuan memberi manfaat kepada pelajar menerusi aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan pemikiran serta memberi pengalaman yang berbeza kepada para pelajar, iaitu selain aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. *shams*

Kursus Bina Negara Mahasiswa Asas



Sebanyak tiga siri Kursus Bina Negara Mahasiswa Asas telah dijalankan untuk pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan sepanjang sesi Januari 2007. Kursus ini adalah anjuran Biro Tatanegara Negeri Sembilan, Jabatan Perdana Menteri. Ketiga-tiga siri kursus ini telah dijalankan di Kem Bina Negara Kuarters KLIA, Nilai Negeri Sembilan. Sesi pertama telah dijalankan 10 – 12 Mac 2007 dan seramai 119 orang pelajar semester akhir Jabatan Perdagangan telah menghadiri kursus tersebut. Sesi kedua dijalankan pada 30 Mac hingga 1 April 2007 di mana seramai 85 orang pelajar dari Jabatan Perdagangan telah menghadiri kursus tersebut. Manakala, siri ketiga telah dijalankan pada 27 – 29 April 2007 yang lalu dengan penyertaan seramai 88 orang pelajar semester 5 dan semester 2 Jabatan

Antara objektif kursus ini diadakan adalah untuk memupuk dan menghayati semangat patriotisme dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar. Di samping itu, pelajar-pelajar juga didedahkan dengan aspek-aspek tentang ancaman keselamatan negara, pendidikan, politik serta ekonomi negara. Kursus ini didapati sangat faedah kepada para pelajar di mana mereka dilatih untuk bekerjasama dalam kumpulan, di samping dapat mengeratkan silaturahim di kalangan peserta. Di samping itu, aktiviti kembara juga diadakan pada waktu malam yang bertujuan untuk mengukuhkan tahap keberanian dan keyakinan para peserta dalam menghadapi dugaan dan cabaran yang bakal mendatang. *shams*

Seminar Kepimpinan Pelajar Jabatan Perdagangan



Pada 3 Februari 2007 bertempat di Hotel Golden Straits Villa, Port Dickson, satu seminar kepimpinan telah dianjurkan oleh Kelab Perdagangan. Seramai 36 orang pelajar telah menghadiri seminar tersebut yang mengambil masa 9 jam iaitu bermula dari 8.00 pagi dan berakhir 6.00 petang. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mendedahkan para peserta kepada ilmu pengurusan sebagai persediaan untuk menjadi seorang pemimpin yang cemerlang. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan teknik-teknik yang betul dalam pengendalian majlis dan protokol, menambahkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan sahsiah diri ke arah yang lebih positif. Ia juga melatih diri peserta berfikir secara rasional di dalam membuat keputusan dalam menyelesaikan masalah. Selain itu juga, ia dapat mengeratkan silaturahim di antara pemimpin kelab dan wakil-wakil kelas serta bertukar-tukar idea serta pendapat. Dengan adanya seminar kepimpinan ini, peserta dapat meningkatkan sahsiah diri ke arah yang lebih positif dan menjadi seorang pemimpin yang cemerlang dari segi akademik dan ko-kurikulum. *shams*

Hari Perdagangan



Pada 8 Mac 2007, bertempat di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson, Kelab Perdagangan telah mengadakan Hari Perdagangan yang juga merupakan acara rasmi bagi setiap semester. Antara aktiviti yang dijalankan adalah ceramah motivasi dan ceramah kerjaya. Ceramah motivasi yang pertama dikendalikan oleh pensyarah Jabatan Perdagangan sendiri iaitu En. Shamsuri bin Abdullah dengan tajuk ceramahnya, 'Membina Modal Insan di Kalangan Pelajar IPTA'. Ceramah ini dimestikan kepada semua pelajar Jabatan Perdagangan. Untuk slot ceramah yang kedua dibahagikan kepada 2 bahagian, iaitu untuk pelajar semester akhir dan pelajar semester 1 hingga 5. Bagi pelajar semester akhir DAT dan DPR, satu ceramah kerjaya oleh penceramah jemputan dari UKM telah diadakan bertempat di Pusat Sumber. Bagi pelajar semester akhir DSK pula, ceramah kerjaya diadakan di Bilik Tayangan Unit Multimedia dan Sumber (UMS) oleh penceramah jemputan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Bagi pelajar-pelajar semester 1 hingga 5, ceramah kerjaya diadakan di Dewan Wawasan oleh penceramah jemputan dari Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan. Untuk aktiviti petang pula diadakan ceramah motivasi oleh Prof Madya Rosnah binti Alwi dari Universiti Teknologi Mara (UITM), Melaka. *shams*

Training of Trainers, PPSMTI Phase 2

A total of seven English Language lecturers of Port Dickson Polytechnic attended the Training of Trainers (TOT) Programme for PPSMTI Phase 2 in Eastin Hotel, Petaling Jaya from April 17 until April 20, 2007.

The training was organized by Unit PPSMTI, Bahagian Latihan dan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, KPTM.

The participants were given a comprehensive training on Module II: Read and Write of the PPSMTI Phase 2, which focuses on the reading and writing skills. *MAS*

English Language Carnival January 2007

The English Language Carnival (or formerly known as the English Language Fest) January 2007 was held on March 5 until March 9, 2007. It was jointly organized by the English Language Unit and the English Language Club of Port Dickson Polytechnic. The English Language Carnival January 2007 offered an array of fun, exciting yet stimulating activities; namely the treasure hunt, singing contest, elocution contest, quiz mini movie making and language games, which activate the use of English Language among the students and lecturers of Port Dickson Polytechnic. Among other activities, a talk on Public Speaking Skills was also successfully held during the English Language Carnival January 2007. A guest speaker, Mr. Robert Tan from Port Dickson Toastmaster's Club was invited to share some constructive information on public speaking skills to a total of 200 final semester students in Dewan Kuliah 4 of Port Dickson Polytechnic.

The prizes were given away to all winners by Ustaz Alias Md. Saad, on behalf of the Head of General Studies Department, during the Prize Giving Ceremony on March 16, 2007 in Dewan Kuliah 4 of Port Dickson Polytechnic. The Organizing Committee would like to extend their thanks to all parties who directly or indirectly contributed to the accomplishment of the English Language Carnival January 2007 and congratulations to all winners. *MAS*

SEKITAR AKTIVITI DAN PERISTIWA *Januari-juni 2007*

Kejohanan Tenpin Bowling Majlis Sukan Politeknik Malaysia



Politeknik Port Dickson Urusetia Bersama Program Pendidikan



Kejohanan Sofbal MSP 2007



Kecemerlangan Berterusan

SEKITAR AKTIVITI DAN PERISTIWA

Januari- Jun 2007

English Language Carnival January 2007



Karnival Pendidikan Dan Kerjaya



Seminar InterleK JKA



SEKITAR AKTIVITI DAN PERISTIWA


Januari-juni 2007
Pensijilan Semula MS ISO 9001



Kursus Awareness ISO



Training of Trainers, PPSMTI Phase 2



Latihan Kebakaran Kamis



Kecemerlangan Berterusan

SEKITAR AKTIVITI DAN PERISTIWA *Januari- Jun 2007* Taklimat Penghayatan



Minggu Penghayatan Islam



Kursus Auditor Dalaman






Sesi Januari

Isi kandungan

1. Konvokesyen Politeknik Port Dickson ke-16, Tahun 2007.
2. Penganjuran Kejohanan Tenpin Bowling Majlis Sukan Politeknik Malaysia.
3. Islam Hadhari Menjana Kemajuan Umah.
4. Karnival Pendidikan Dan Kerjaya.
5. Minggu suaikenal Pelajar Baru.
6. Hari Politeknik Peringkat Politeknik Port Dickson 2007.
7. Minggu Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Januari 2007.
8. Latihan Kebakaran Kamsis.
9. Politeknik Port Dickson Urusetia Bersama Program Pendidikan.
10. Minggu Penghayatan Islam.
11. Kempen kesihatan dan kecergasan.
12. Pertandingan Membina Kota Pasir Terbuka Sempena Ulang Tahun MPPD Ke-V 2007.
13. Seminar Produk Intelek JKA 2007.
14. Seminar IBS.
15. Pertandingan Reka Cipta Hari Harta Interlek Negara.
16. Khidmat Masyarakat.
17. Seminar JKE.
18. Hari JKE.
19. Malam Pra Graduan JKE.
20. Hari Bersama Pelanggan Sesi Januari 2007.
21. PPD Ke arah Pensijilan Semula MS ISO 9001:2000
22. Ceramah Pengajian Lanjutan Di UKM.
23. Kursus Bina Negara Mahasiswa Asas.
24. Seminar Kepimpinan Pelajar Jabatan Perdagangan.
25. Hari Perdagangan.
26. Training of Trainers, PPSMTI Phase 2
27. English Language Carnival January 2007.

PERISTIWA DAN ISU SEMASA 2007



2007 Politeknik Port Dickson Terus Cemerlang

Buletin

Politeknik Port Dickson

